



29 Julai 2022
29 July 2022
P.U. (A) 246

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN
AIR (KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR)
(NEGERI MELAKA) (PINDAAN) 2022

*WATER SERVICES INDUSTRY
(RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES)
(STATE OF MALACCA) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI MELAKA) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 84(2)(a) dan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Melaka) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Melaka) 2010 [*P.U. (A) 372/2010*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan menggantikan perkataan “Jadual” dengan perkataan “Jadual Pertama”.

Peraturan baharu 3

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 2 peraturan yang berikut:

“Jenis penggunaan

3. Jenis penggunaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual Kedua.”.

Penggantian Jadual

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

	<i>Jenis penggunaan</i>	<i>Jumlah penggunaan</i>	<i>Kadar setiap meter padu (RM)</i>	<i>Kadar minimum (setiap bulan) (RM)</i>
1.	Domestik (meter individu)	(a) 0 meter padu dan sehingga 20 meter padu	0.70	7.00
		(b) melebihi 20 meter padu dan sehingga 35 meter padu	1.15	
		(c) melebihi 35 meter padu	1.75	
2.	Domestik (meter pukal)	kadar rata	1.80	25.00
3.	Bukan domestik	(a) 0 meter padu dan sehingga 35 meter padu	2.40	25.00
		(b) melebihi 35 meter padu	2.45	
4.	Rumah ibadat dan institusi kebajikan	kadar rata	0.90	9.00
5.	Perkapalan	kadar rata	7.00	70.00".

Jadual Kedua baharu

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Pertama Jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA

[Peraturan 3]

JENIS PENGGUNAAN

<i>Jenis penggunaan</i>	<i>Perihal</i>
1. Domestik (meter individu)	Bekalan air melalui meter individu atau meter petak ke premis atau unit kediaman
2. Domestik (meter pukal)	Bekalan air melalui meter pukal ke bangunan kediaman bertingkat tinggi, komuniti berpagar, kuarters estet dan kuarters kerajaan
3. Bukan domestik	Premis komersial, industri, perdagangan, perniagaan, kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital, perusahaan pemprosesan air (termasuk kios air), perladangan dan perkebunan
4. Rumah ibadat dan institusi kebajikan	Rumah ibadat yang pembinaannya diluluskan oleh kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau pengoperasiannya diluluskan oleh badan keagamaan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan bagi memberikan kelulusan rumah ibadat Institusi kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau diberikan pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah institusi kebajikan

Jenis penggunaan

Perihal

5. Perkapalan

Bekalan air untuk kegunaan di atas kapal yang berlabuh di pelabuhan”.

Dibuat 28 Julai 2022

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT.5(22); PN(PU2)660/JLD.16]

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Menteri Alam Sekitar dan Air

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES)
(STATE OF MALACCA) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 84(2)(a) and 179(i) of the Water Services Industry Act 2006 [Act 655], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Water Services Industry (Rates for Water Supply Services) (State of Malacca) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2022.

Amendment of regulation 2

2. The Water Services Industry (Rates for Water Supply Services) (State of Malacca) Regulations 2010 [*P.U. (A) 372/2010*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by substituting for the word “Schedule” the words “First Schedule”.

New regulation 3

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 2 the following regulation:

“Type of use

3. The type of use as specified in the First Schedule shall be as described in the Second Schedule.”.

Substitution of Schedule

4. The principal Regulations are amended by substituting for the Schedule the following Schedule:

"FIRST SCHEDULE

[Regulation 2]

RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES

	<i>Type of use</i>	<i>Amount of consumption</i>	<i>Rate per cubic metre (RM)</i>	<i>Minimum charge (per month) (RM)</i>
1.	Domestic (individual meter)	(a) 0 cubic metre and up to 20 cubic metres	0.70	7.00
		(b) exceeding 20 cubic metres and up to 35 cubic metres	1.15	
		(c) exceeding 35 cubic metres	1.75	
2.	Domestic (bulk meter)	flat rate	1.80	25.00
3.	Non-domestic	(a) 0 cubic metre and up to 35 cubic metres	2.40	25.00
		(b) exceeding 35 cubic metres	2.45	
4.	House of worship and welfare institution	flat rate	0.90	9.00
5.	Shipping	flat rate	7.00	70.00".

New Second Schedule

5. The principal Regulations are amended by inserting after the First Schedule the following Schedule:

"SECOND SCHEDULE

[Regulation 3]

TYPE OF USE

<i>Type of use</i>	<i>Description</i>
1. Domestic (individual meter)	Supply of water through individual meter or parcel meter to residential premises or units
2. Domestic (bulk meter)	Supply of water through bulk meter to high rise residential building, gated community, estate quarters and government quarters
3. Non-domestic	Commercial, industrial, trade, business, government premises, school, institute of higher learning, hospital, water processing industry (including water kiosk), plantation and farming
4. House of worship and welfare institution	House of worship which its construction was approved by the government under any written laws or its operation approved by the relevant religious bodies recognized by the government to give approvals for house of worship Welfare institution registered with the Department of Social Welfare or given tax exemptions by the Inland Revenue Board of Malaysia or recognized by the government as a welfare institution

<i>Type of use</i>	<i>Description</i>
5. Shipping	Supply of water for the use aboard ships anchored at port”.

Made 28 July 2022

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT.5(22); PN(PU2)660/JLD.16]

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
Minister of Environment and Water